



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

#### **RUMAWIP KONDOMINIUM KIARA KASIH DI KAWASAN ELIT IBU KOTA**

**KUALA LUMPUR, 20 Mac 2018** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini melancarkan projek RUMAWIP Kondominium Kiara Kasih yang diadakan di Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Projek ini adalah projek perumahan mampu milik pertama di dalam parlimen Segambut yang dibangunkan di kawasan persekitaran yang amat strategik dengan pelbagai kemudahan seperti sistem pengangkutan yang kondusif. Projek ini dibina berdekatan dengan stesen komuter Segambut dan mudah mengakses ke Lebuhraya SPRINT, NKVE dan Jalan Sultan Abdul Halim (Jalan Duta). Selain itu, terdapat banyak kondominium mewah sedia ada berdekatan dengan tapak projek yang dibangunkan pastinya mengangkat nilai pasaran bagi kediaman projek ini.

Projek ini merupakan usahasama antara Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Syarikat UEM Sunrise Berhad yang mempunyai 719 unit rumah dengan berketinggian 39 tingkat. Projek ini dibangunkan di atas tanah berkeluasan 2.14 ekar. Setiap unit kediaman dibina pada keluasan 850 kaki persegi dan dilengkapi dengan 3 bilik tidur, 2 bilik air dan 1 petak tempat meletak kenderaan. Antara kemudahan lain yang bakal dinikmati oleh para pembeli rumah tersebut adalah kolam renang, gimnasium, kawasan riadah, taman permainan kanak-kanak, dewan serbaguna dan juga surau untuk kegunaan bersama.

RUMAWIP Kondominium Kiara Kasih yang ditawarkan pada harga RM300,000.00 adalah sangat murah iaitu RM353 sekaki persegi berbanding harga hartanah lain di kawasan tersebut yang mencecah hingga RM3,530 sekaki persegi. Projek ini akan siap pada 2022. KWP sentiasa menyokong usaha pihak pemaju perumahan yang ingin membina RUMAWIP untuk membolehkan warga Wilayah Persekutuan memiliki rumah sendiri pada harga yang berpatutan khususnya di ibu kota. Oleh itu, Kerajaan sentiasa melaksanakan program-program yang berimpak tinggi yang memberi faedah terbaik kepada rakyat.

KWP telah mencapai sasaran keseluruhan pembinaan RUMAWIP dan PPA1M sebanyak 88,917 unit berbanding 80,000 unit yang disasarkan. Sebanyak 124 projek RUMAWIP dan PPA1M yang telah diluluskan untuk dibina di Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, 15 buah projek perumahan telah siap dibina dan sedia untuk diduduki. Ini jelas membuktikan komitmen kerajaan dalam mengotakan janji yang dibuat untuk menyediakan perumahan mampu milik kepada golongan M40 khususnya di Kuala Lumpur.

**Disediakan Oleh:  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan**